

Laporan penjualan Limbang **FEER** minta maaf pada PM

INTELLIGENCE

SARAWAK SALE?

The main reason for Malaysian Prime Minister Datuk Seri Mahathir Mohamed's two-day visit to Brunei in March was not the ostensible one of improving transport links. It is understood that foremost on the agenda was a proposal to sell Brunei a sizeable area of jungle belonging to the neighbouring Malaysian state of Sarawak, which currently divides the tiny Bruneian territory into two parts. Limbang and covers around half of

INILAH keratan laporan *FEER*, 21 Mei, 1987

Oleh ROSNIZA RASUL

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pengarang dan penerbit majalah *Far Eastern Economic Review* (*FEER*) meminta maaf kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung laporan kononnya Malaysia bercadang menjual Limbang di Sarawak kepada Brunei Darussalam, kira-kira empat tahun lalu.

Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman memberitahu Mahkamah Tinggi, di sini hari ini bahawa ini berikutan persetujuan kedua-dua pihak menyelesaikan kes itu di luar mahkamah dengan mematuhi tiga syarat.

Beliau yang mewakili Perdana Menteri berkata, Datuk Seri Dr Mahathir juga bersikap bermurah hati dengan tidak meminta ganti rugi.

Kedua-dua pihak, bagaimanapun bersetuju bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dibayar kos berjumlah \$50,000 dan majalah yang beribu pejabat di Hong Kong itu menarik balik laporan itu serta meminta maaf dalam keluarannya yang akan datang.

Syarat-syarat yang dipersetujui itu dicatatkan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Lim Beng Choon.

Tan Sri Abu Talib berkata, tiga syarat yang dipersetujui itu ialah *FEER* (defendan) akan

menyiarkan kenyataan meminta maaf kepada Datuk Seri Dr Mahathir kerana laporan yang mendakwa Perdana Menteri berbilang kemungkinan menjual Limbang kepada Brunei Darussalam.

Katanya, berita penarikan permohonan maaf itu hendaklah diterbitkan seminggu selepas penyelesaian ini dipersetujui.

Kenyataan penuh meminta maaf yang akan diterbitkan itu berbunyi:

"Pada 21 Mei 1987, ruangan *Intelligence* kami dalam laporan bertajuk *Sarawak Sale* melaporkan bahawa Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika lawatan ke Brunei, membincangkan dengan kerajaan Brunei kemungkinan menjual wilayah yang dikenali sebagai Limbang, yang menjadi sebahagian daripada Negeri Sarawak. Laporan itu menekankan bahawa ini ialah tujuan utama lawatan itu dan tidak tujuan yang dinyatakan, iaitu untuk memperbaiki hubungan pengangkutan. Laporan itu tidak berasas dan kami mengakui bahawa Perdana Menteri itu tidak berhasrat menjual mana-mana bahagian Persekutuan Malaysia kepada Brunei atau negara asing lain. *FEER* tanpa ragu-ragu menarik balik sebarang tanggapan buruk mengenai perilaku beliau dan jawatan yang beliau pegang dan meminta maaf kepada Perdana Menteri bagi sebarang keresahan dan malu kepada beliau secara peribadi, dan kepada kerajaan Malaysia.

Syarat lain yang dipersetujui ialah Perdana Menteri (plaintif) tidak akan mengemukakan tuntutan ganti rugi dan syarat ketiga menuntut defendan membayar kos \$50,000 kepada plaintif, seperti yang dipersetujui.

Tan Sri Abu Talib berkata, Perdana Menteri bagaimanapun bermurah hati tidak mahu menuntut ganti rugi berhubung kes itu.